

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Bertulis

DARIPADA : Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad [Langkawi]

SOALAN : (Dato' Ir. Haji Nawawi bin Ahmad) minta
**MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-
Usaha yang dijalankan pihak Kementerian dalam mempelbagaikan lagi produk-produk hasil pertanian untuk bersaing dengan produk lain di peringkat antarabangsa di samping dapat meningkatkan lagi pendapatan rakyat serta pengusaha kecil.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Geran Pemandanan

Dalam usaha mempelbagaikan produk-produk hasil pertanian terutama sekali produk berasaskan industri asas tani bersaing dengan produk lain di peringkat antarabangsa, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah menyediakan bantuan berbentuk geran di bawah Program Geran Pemandanan *High Impact Product* (HIP) bagi usahawan industri asas tani. Program ini dipertimbangkan kepada usahawan industri asas tani di Tahap 4 dan 5 iaitu usahawan yang memperoleh nilai jualan tahunan melebihi RM 300,000.00. Program ini menyediakan bantuan di dalam bentuk geran pemandanan meliputi skop seperti berikut :

- i. Kajian nutrisi dan jangka hayat produk;
- ii. Reka bentuk pembungkusan dan pelabelan;
- iii. Peningkatan kapasiti pengeluaran; dan
- iv. Penambahbaikan premis perniagaan ke arah pensijilan.

Kelulusan geran di bawah Program Geran Pemandanan HIP diberikan pada kadar nisbah 50:50, yang mana 50% daripada kos bagi projek yang diluluskan akan disumbangkan oleh Kerajaan (tertakluk kepada kelulusan geran maksimum RM200,000.00 bagi setiap permohonan), manakala baki 50% dan nilai yang melebihi amaun maksimum sumbangan Kerajaan perlu dibiayai oleh usahawan. Menerusi program geran pemandanan ini, usahawan industri asas tani tidak hanya dapat mempertingkatkan kualiti serta kuantiti produk keluaran

syarikat masing-masing, malah mampu meluaskan pasaran produk tidak terhad di dalam negara tetapi turut menembusi pasaran luar negara.

Bagi membantu pengusaha kecil dalam mempertingkatkan produk keluaran syarikat masing-masing, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyediakan bantuan berbentuk geran di bawah Program Geran Pematangan *Change Upgrade Product* (CUP) bagi usahawan industri asas tani. Program ini dipertimbangkan kepada usahawan industri asas tani di Tahap 1 dan 3 iaitu usahawan yang memperoleh nilai jualan tahunan kurang daripada RM 300,000.00. Program ini menyediakan bantuan di dalam bentuk geran pematangan meliputi skop seperti berikut :

- i. Kajian nutrisi dan jangka hayat produk;
- ii. Reka bentuk pembungkusan dan pelabelan;
- iii. Peningkatan kapasiti pengeluaran;
- iv. Penambahbaikan premis perniagaan ke arah pensijilan; dan
- v. Perolehan papan tanda perniagaan.

Kelulusan geran di bawah Program Geran Pematangan CUP diberikan pada kadar nisbah 70:30, yang mana 70% daripada kos bagi projek yang diluluskan akan disumbangkan oleh Kerajaan (tertakluk kepada kelulusan geran maksimum RM60,000.00 bagi setiap permohonan), manakala baki 30% dan nilai yang melebihi amaun maksimum sumbangan Kerajaan perlu dibiayai oleh usahawan.

Promosi Luar Negara

Program penggalakan pasaran luar negara merupakan program strategik pemasaran secara terus serta penglibatan sesi suainiaga yang akan membantu pertambahan bilangan produk tempatan untuk dieksport seterusnya memacu pertumbuhan dan peningkatan ekonomi negara.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) giat menyertai pelbagai program promosi dan ekspo pertanian di luar negara yang bertujuan untuk mempromosikan produk keluaran usahawan tempatan ke peringkat global di samping meluaskan pasaran produk tersebut. Antara langkah yang diambil ialah dengan melantik agen/distributor di negara-negara eksport seperti Brunei, Vietnam, China dan Jepun. Selain itu, kementerian turut membawa usahawan-usahawan tempatan untuk menyertai *trade fair* dan *consumer fair* di luar negara. Antara ekspo yang telah disertai Program Promosi Consumer Fair, Brunei, Pameran Perdagangan Gulfood 2015 di Dubai, UAE, International Food And Beverage Exhibition (Foodex) di Jepun dan sebagainya. Sesi padanan perniagaan (business matching) antara usahawan dengan syarikat-syarikat atau trader buyer tempatan turut diadakan sepanjang program promosi dan pameran perdagangan.

Selain itu, Kementerian turut bekerjasama dengan pihak pasar raya besar asing seperti Pasar Raya Besar AEON di Jepun dan Pasar Raya Besar Lulu di Dubai bagi menganjurkan program promosi di dalam pasar raya (in store promotion) yang bertujuan untuk membantu mempromosikan produk-produk usahawan tempatan yang telah dipasarkan di dalam pasar raya tersebut.

Kementerian juga akan bekerjasama dengan setiap Pejabat Perwakilan Pertanian di negara-negara berkaitan untuk mempromosikan produk agromakanan negara.